

11991
2mp 408
HD
62.5
K34
2001

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK
PROJEK PELAJAR

**KAJIAN PENCAPAIAN USAHAWAN BUMIPUTERA DALAM USAHA
MEWUJUDKAN MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN
BUMIPUTERA:
KAJIAN KES DI SIBU, SARAWAK.**

**PENSYARAH:-
ENCIK NICHOLAS AMIN**

**Oleh:-
BEDINDANG AK. ASENG
THOMAS AK. POH
ROZIAH BTE. SUHAILI
SURYANTI BTE. JOHARI**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK**

MAC 2001

ABSTRAK

Dasar Pembangunan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang dimulakan dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971-1990 telah menjadi teras penting dalam proses penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Pembangunan Nasional seperti terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000). MPPB merupakan satu program untuk mewujudkan sekumpulan usahawan yang berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing yang menumpukan perhatian kepada aspek meningkatkan keupayaan untuk mencipta dan mengurus kejayaan di sektor ekonomi moden. MPPB merujuk kepada individu, institusi dan syarikat yang diurus dan dimiliki oleh Bumiputera secara majoriti. Justeru itu, maka kajian ini telah mengupas masalah yang dihadapi oleh usahawan Bumiputera khususnya di bandar Sibu dari aspek penyertaan dan pencapaian mereka dalam sektor ekonomi sejajar dengan matlamat MPPB. Dalam proses mengkaji masalah yang dihadapi, penyelidik telah menggunakan borang soalselidik untuk mendapat maklumat dari responden. Penyelidik telah mengedarkan 100 unit borang soalselidik di kawasan tanggungjawab kajian. Tetapi sehingga kajian ini ditulis penyelidik hanya berjaya memperolehi semula sebanyak 65 unit borang soalselidik daripada responden. Oleh itu penyelidik telah menggunakan jumlah tersebut bagi mewakili sampel bagi kawasan kajian. Hasil dari analisa yang telah dibuat penyelidik mendapati tahap penyertaan dan pencapaian usahawan Bumiputera Sibu masih lagi di takuk yang minima. Disebabkan beberapakekangan dan halangan bagi memperluaskan dan mempelbagaikan perniagaan mereka, akan turut membantutkan matlamat kerajaan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Oleh yang demikian satu penyelesaian perlu dicapai bagi memastikan masalah yang dihadapi tidak menjaskas aspirasi kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang disasarkan tersebut. Kaedah yang paling sesuai untuk mengatasi masalah ini ialah dengan meningkatkan keterlibatan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan di dalam aktiviti usahawan terbabit dengan lebih memberi penekanan menyalurkan maklumat-maklumat keusahawanan terkini berkaitan peluang perniagaan dan kemudahan pinjaman serta menganjurkan dengan lebih kerap latihan atau kursus keusahawanan yang komprehensif yang diharap dapat membimbing dan membentuk usahawan Bumiputera yang maju jaya dan berdaya saing.

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
ABSTRAK	i
BIODATA	ii
PERAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI LAMPIRAN	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.0 PENGENALAN	1
1.1.1 Keadaan Semasa Jumlah Usahawan Secara Umum Di Bandar Sibu	3
1.1.2 Penyertaan Masyarakat Bumiputera Sibu Dalam Perniagaan	4
1.1.3 Sasaran Kerajaan Untuk Golongan Usahawan Pada Tahun 2020	5
1.2 PENYATAAN MASALAH	6
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.3.1. Objektif Khusus	7
1.3.2. Objektif Umum	7
1.4 SKOP KAJIAN	8

BAB 1

KAJIAN PENCAPAIAN USAHAWAN BUMIPUTERA DALAM USAHA MEWUJUDKAN MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA: KAJIAN KES DI SIBU, SARAWAK.

1.0 PENGENALAN

Sibu dengan keluasan 3,149.8km persegi¹ adalah bandar kedua terbesar di Sarawak selepas Bandaraya Kuching. Ia terletak di antara tebing Sungai Rajang dan Sungai Igan dan merupakan pintu masuk utama untuk kawasan tengah negeri Sarawak. Kedudukannya yang strategik telah menjadikannya sebuah pusat perdagangan yang terkemuka di Sarawak.

Pelbagai jenis perniagaan telah dijalankan daripada penjajaan di kaki lima hingga ke tahap Syarikat Multi-National dan ini telah menjadikan Sibu sebagai bandar yang pesat berkembang dan membangun. Tidak hairanlah sekiranya pelawat yang berkunjung ke bandar Sibu akan terserempak dengan pelbagai kegiatan ekonomi yang dijalankan sehingga setiap pelusuk bandar dipenuhi oleh para peniaga daripada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum.

Pembangunan yang pesat pada bandar Sibu telah menyebabkan pengaliran masuk imigrasi penduduk dari kawasan terpencil. Menurut bancian pada tahun 2000, terdapat sejumlah 214,680 penduduk daripada pelbagai kaum yang menetap di bandar Sibu.² Dengan purata kadar pertumbuhan sebanyak 2.6% setahun, jumlah penduduk di bandar Sibu dijangka akan meningkat menjangkau 365,000 orang pada tahun 2020.

¹ Sumber: Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak.

² Sumber: Banci Penduduk 1991.

SOROTAN**2.0 MASYARAKAT PEMBANGUNAN DAN PERINDUSTRIAN****2.1.1 PENGENALAN**

Kerajaan telah berusaha selama 27 tahun untuk meningkatkan pencapaian kaum Bumiputera dalam kegiatan ekonomi bermula dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Ia diteruskan melalui Dasar Pembangunan Negara yang berakhir pada tahun 1990 dan memberi penumpuan kepada pembentukan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Ramai masyarakat Bumiputera yang masih tidak mengetahui matlamat dan strategi pembangunan yang ingin diwujudkan dibawah program pembangunan MPPB. Bab ini cuba menerangkan maksud dan mengupas peranan MPPB kepada masyarakat Bumiputera khususnya.

2.1.2 LATAR BELAKANG

Dasar Pembangunan MPPB yang dimulakan dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 hingga 1990 telah menjadi teras penting dalam proses penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) seperti terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) berkuatkuasa pada tahun 1991 hingga tahun 2000.

2.1.3 MAKSUD MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA (MPPB).

MPPB ialah satu program untuk mewujudkan sekumpulan usahawan yang berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing yang menumpukan perhatian kepada aspek meningkatkan keupayaan untuk mencipta dan mengurus kekayaan di sektor ekonomi moden. Mereka terdiri daripada peruncit, pemberi khidmat, pengilang, kontraktor, pengeksport, pengimport dan Bumiputera di kalangan yang lain. MPPB merujuk kepada individu, institusi dan syarikat yang diurus dan dimiliki oleh Bumiputera secara majoriti. Institusi kerajaan dan swasta bertanggungjawab untuk